



SULIT
1249/2
Sejarah
Kertas 2
September
2009
2½ jam

MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009

SEJARAH

Kertas 2
 Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tuliskan nama dan kelas anda pada ruang yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
3. *Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B***
4. *Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan*
5. *Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh Pengawas Peperiksaan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
6. *Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas soalan ini. Ikat buku jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
7. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah penuh	Markah diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah			

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

1
 2
 4
 9
 2

Bahagian A

(40 markah)

Jawab **semua** soalan.

1 Sebelum kedatangan Islam, masyarakat di Asia Tenggara mengamalkan pengaruh Hindu Buddha dalam kehidupan seharian mereka.

(a) Senaraikan **dua** cara kedatangan agama Hindu Buddha ke Asia Tenggara

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Apakah unsur Hindu Buddha dalam sistem pentadbiran beraja.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Senaraikan **dua** kepentingan monumen dalam kerajaan awal.

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Nyatakan kepentingan bahasa Sanskrit pada zaman kerajaan awal di Asia Tenggara.

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Pada pandangan anda, apakah pengaruh Hindu Buddha yang masih diamalkan oleh masyarakat Melayu sehingga hari ini ?

(i)

(ii)

[**Lihat sebelah**

[2 markah]

2 British telah memperkenalkan beberapa dasar berkaitan pertanian di Tanah Melayu pada awal abad ke 20.

(a) Nyatakan cara pemilikan tanah oleh orang Melayu sebelum kedatangan British?

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Apakah sistem pemilikan tanah yang diperkenalkan oleh British ?

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Senaraikan **dua** kesan pengenalan undang-undang tanah oleh British kepada masyarakat Melayu?

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Apakah tujuan Akta Tanah Simpanan Melayu diperkenalkan pada tahun 1913?

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Sekiranya anda memiliki tanah pusaka, bagaimana anda dapat mengekalkannya?

(i)

(ii)

[2 markah]

[Lihat sebelah

3 Kesultanan Melayu Melaka telah mewariskan pengaruh dalam sistem berkerajaan yang diamalkan di Negeri-Negeri Melayu.

(a) Senaraikan **dua** unsur warisan Kesultanan Melayu Melaka

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Berikan **tiga** maklumat berkaitan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor?

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

(c) Senaraikan **tiga** fasal yang terkandung dalam Ittikan-ilmuluk bi-ta'dil il-suluk di Terengganu?

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

(d) Pada pendapat anda, apakah keunikan sistem pemilihan pemimpin yang diamalkan di Negeri Sembilan?


(i)

(ii)

[2 markah]

[Lihat sebelah

4 Rajah menunjukkan sistem pemerintahan kerajaan Malaysia.



(a) Senaraikan **dua** bidang kuasa Yang Di Pertuan Agong?

- i)
- ii)

[2 markah]

(b) Siapakah anggota Badan Perundangan?

- (i).....
- (ii).....

[2 markah]

(c) Apakah tugas Jemaah Menteri dalam Badan Pelaksana?

- i)
- ii)

[2 markah]

(d) Namakan **dua** jenis mahkamah atasan dalam Badan Kehakiman.

- (i)
- (ii)

[2 markah]

(e) Jika anda seorang pegawai kerajaan, apakah yang perlu dilakukan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan?

- (i)

[Lihat sebelah

(ii)

[2 markah]

5 Tamadun Indus merupakan tamadun awal di dunia yang terkenal kerana berjaya membentuk bandar terancang.

(a) Bagaimanakah tamadun Indus bermula?

[6 markah]


(b) Jelaskan ciri-ciri bandar terancang dalam tamadun Indus?

[10 markah]

(c) Pada pendapat anda, mengapakah perancangan bandar penting kepada kehidupan manusia?

[4 markah]

6 Rajah menunjukkan sejarah perkembangan kerajaan Islam.



(a) Terangkan sumbangan kerajaan Bani Umayyah?

[6 markah]

(b) Bagaimanakah kerajaan Bani Abbasiyah ditubuhkan?

[8 markah]

(c) Huraikan kejayaan kerajaan Turki Uthmaniyah menyebarkan Islam ke Eropah?

[6 markah]

7 Gerakan nasionalisme merupakan usaha penentangan masyarakat tempatan terhadap penjajahan.

(a) Huraikan **empat** faktor pemangkin nasionalisme di Tanah Melayu?

[8 markah]

(b) Jelaskan isu perjuangan Kaum Muda.

[8 markah]

[Lihat sebelah

- (c) Pada pendapat anda, apakah usaha untuk meningkatkan semangat cinta akan negara dalam kalangan generasi muda?
[4 markah]
- 8 Dasar luar Malaysia dibahagikan kepada tiga tahap iaitu pro-barat, berkecuali dan menekankan kepentingan ekonomi.
- (a) Apakah asas penggubalan dasar luar Malaysia?
[8 markah]
- (b) Terangkan dasar luar Malaysia pada tahap ketiga (1981-2003)?
[8 markah]
- (c) Berdasarkan pengetahuan anda, berikan **empat** cadangan untuk mengekalkan hubungan baik dengan negara luar.
[4 markah]
- 9 Dalam melaksanakan dasar pembangunan sosial, pelbagai dasar dibentuk untuk perpaduan negara.
- (a) Terangkan mengenai Penyata Razak (1956)
[8 markah]
- (b) Jelaskan usaha kerajaan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
[8 markah]
- (c) Bagaimanakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan dapat memupuk perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.
[4 markah]

[Lihat sebelah

[Lihat sebelah